BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No. : 03/07/13 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Februari 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 3.1% pada bulan Februari, menyambung semula trend menurunnya.

- Pada tempoh 1 Februari - 27 Mac 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) ekoran aliran masuk perdagangan bersih yang berterusan dan juga aliran masuk pelaburan.

- KLCI meningkat dengan pesat berikutan pembetulan pasaran ekuiti global pada bulan Februari, apabila sentimen pelabur dalam pasaran ekuiti menjadi lebih positif.

- Sentimen dalam pasaran kewangan yang bertambah baik disokong lagi oleh pengumuman langkah-langkah liberalisasi dan penyahkawalseliaan dasar pentadbiran pertukaran asing, pemansuhan cukai untung harta tanah dan pengenalan beberapa insentif khas untuk menggalakkan pelaburan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No. : 03/07/13 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN FEBRUARI 2007

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% pada bulan Februari. Bagi pinjaman sistem perbankan, jumlah pinjaman terkumpul meningkat 6.2%, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing bertambah pada kadar tahunan 5.2% dan 8.4%.

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS dan pasaran ekuiti berjumlah RM1.5 bilion pada bulan Februari. Sejumlah besar daripada dana tersebut diperoleh melalui pasaran PDS, yang termasuk satu terbitan bernilai RM500 juta oleh sebuah bank pembangunan pelbagai hala. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih sebanyak RM784 juta diperoleh sektor swasta pada bulan itu.

Kadar deposit tetap dan kadar pinjaman bank perdagangan stabil pada bulan Februari dan awal bulan Mac. Kadar antara bank untuk semua tempoh matang juga secara relatif terus stabil pada tempoh tersebut.

Pada tempoh 1 Februari - 27 Mac 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) ekoran aliran masuk perdagangan bersih yang berterusan dan aliran masuk pelaburan. Pengukuhan asas-asas ekonomi Malaysia secara berterusan telah mendasari trend ringgit tersebut.

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) menjadi sederhana kepada 3.1% pada bulan Februari, daripada 3.2% pada bulan Januari. Meskipun kadar inflasi bagi kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* meningkat, yang sebahagiannya mencerminkan kesan faktor bermusim dan perayaan, peningkatan ini diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah bagi komponen IHP yang lain.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan lebih tinggi, iaitu 17.4% pada bulan Februari. Peningkatan ini mencerminkan permintaan yang bertambah terhadap mata wang semasa musim perayaan pada separuh kedua bulan itu, dan deposit permintaan yang lebih tinggi yang disimpan oleh individu dan perusahaan perniagaan. Wang secara luas atau M3 berkembang 13.9% terutamanya kerana peningkatan rizab antarabangsa dan aset asing bersih institusi perbankan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) bertambah baik kepada 13.4% pada akhir bulan Februari (akhir Januari: 13.3%). Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan terus tidak berubah pada 4.7%.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Februari – 26 Mac, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil, iaitu antara 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada bulan Februari dan awal bulan Mac. Pada 15 Mac 2007, kadar disebut purata FD bagi tempoh pemegangan antara 1 dan 12 bulan masing-masing pada 3.11% dan 3.71%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata terus tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) rendah sedikit pada 6.54% pada bulan Februari (Januari: 6.57%).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai dalam sistem perbankan pada bulan Februari



ALR bank perdagangan terus sederhana



Nisbah pembiayaan-deposit menurun apabila pertumbuhan deposit meningkat

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jan 07	3.11	3.19	3.34	3.45	3.72
Feb 07	3.11	3.19	3.34	3.45	3.71
15 Mac 07	3.11	3.18	3.34	3.45	3.71

Kadar FD secara relatif tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD 3 bulan benar naik sedikit ekoran inflasi yang semakin sederhana

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Februari - 27 Mac 2007, ringgit menambah nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar AS ekoran aliran masuk perdagangan bersih yang berterusan dan juga aliran masuk pelaburan. Pengukuhan asas-asas ekonomi Malaysia secara berterusan telah mendasari trend ringgit tersebut. Dolar AS juga semakin lemah kerana beberapa data ekonomi yang lemah telah menimbulkan kebimbangan pasaran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi AS dan jangkaan terhadap penurunan kadar dasar AS. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun dan euro, masing-masing sebanyak 1.4% dan 1.3%.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS



… dan juga berbanding dengan beberapa mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Jan 07	Feb 07	27 Mac 07	Akhir Dis 05 - 27 Mac 07	Akhir Jan 07 - 27 Mac 07
Dolar AS	3.7800	3.5015	3.5060	3.4520	9.5	1.4
Euro	4.4867	4.5388	4.6332	4.6007	-2.5	-1.3
Paun sterling	6.5226	6.8755	6.8830	6.7953	-4.0	1.2
100 yen Jepun	3.2229	2.8808	2.9595	2.9210	10.3	-1.4
Dolar Singapura	2.2714	2.2784	2.2920	2.2748	-0.2	0.2
100 baht Thailand	9.2049	9.7780	9.9012	9.8320	-6.4	-0.5
100 peso Filipina	7.1254	7.1642	7.2110	7.1812	-0.8	-0.2
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0385	0.0382	0.0379	1.5	1.6
100 won Korea	0.3739	0.3717	0.3728	0.3671	1.9	1.2
Renminbi China	0.4686	0.4504	0.4531	0.4463	5.0	0.9

Inflasi menjadi sederhana kepada 3.1% pada bulan Februari

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh IHP menjadi sederhana kepada 3.1% pada bulan Februari (Januari: 3.2%). Data bulan Februari menunjukkan trend kadar inflasi yang semakin sederhana berterusan. Meskipun kadar inflasi bagi kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* lebih tinggi, sebahagiannya mencerminkan kesan faktor bermusim dan perayaan, ia diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah bagi komponen IHP yang lain. Selain penurunan harga yang berterusan bagi kategori pakaian dan kasut, dan komunikasi, kenaikan harga dalam kategori lain seperti perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; pendidikan, dan restoran dan hotel, juga lebih sederhana.



Inflasi pada bulan Februari ialah 3.1%

Kenaikan harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan Januari

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menjadi sederhana kepada 4.9% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 5%). Kenaikan IHPR yang lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori berkaitan dengan komoditi, terutamanya kategori bahan api galian, pelincir dan bahan berkaitan.



Kenaikan IHPR menjadi sederhana pada bulan Januari

M3 berkembang pada kadar yang secara relatif stabil

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 17.4% pada bulan Februari (Januari: 9.2%). Peningkatan ini mencerminkan permintaan terhadap mata wang yang bertambah semasa musim perayaan pada separuh kedua bulan itu, dan deposit permintaan yang lebih tinggi yang disimpan oleh individu dan perusahaan perniagaan. Wang secara luas atau M3 berkembang 13.9% (Januari: 13.4%). Operasi luaran bersih merupakan penyumbang terbesar kepada peningkatan M3, mencerminkan rizab antarabangsa dan aset asing bersih institusi perbankan yang lebih tinggi. Pinjaman kepada sektor swasta turut memberikan kesan pengembangan terhadap M3. Sebaliknya, pegangan sekuriti Kerajaan yang lebih rendah oleh institusi perbankan, seperti ditunjukkan oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan, memberikan kesan penguncupan terhadap M3.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 06	**Dis 06**	**Jan 07**	**Feb 07**
M3	11.5	21.2	14.1	9.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	7.8	10.8	5.3	-1.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.0	5.3	-1.8	2.2
Pinjaman	*4.1*	*4.2*	*2.7*	*2.1*
Sekuriti	*-1.1*	*1.1*	*-4.5*	*0.1*
Operasi luar bersih *	5.5	9.2	12.2	20.6
Pengaruh lain	-4.8	-4.0	-1.6	-11.1

* Sebelum penilaian semula



M3 berkembang pada kadar yang secara relatif stabil

Deposit sistem perbankan meningkat lagi

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak RM9.1 bilion pada bulan Februari (Januari: RM20.2 bilion). Ini merupakan kenaikan tahunan sebanyak 19% (Januari: 19.9%). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya penempatan deposit yang lebih tinggi oleh individu dan perusahaan perniagaan, dan sebahagian kecil oleh institusi kewangan. Mengikut jenis, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk deposit tetap dan deposit permintaan.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 06	**Dis 06**	**Jan 07**	**Feb 07**
Kerajaan Persekutuan	220	936	-528	68
Kerajaan Negeri	-218	392	-46	132
Badan Berkanun [1]	1,211	-889	47	106
Institusi Kewangan	5,543	17,375	1,620	1,334
Perusahaan Perniagaan	8,769	10,093	15,530	2,652
Individu	2,459	4,174	2,391	4,494
Lain-lain [2]	833	191	1,173	356
Jumlah	18,818	32,272	20,188	9,142

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 06	**Dis 06**	**Jan 07**	**Feb 07**
Deposit tetap	10,518	9,572	5,666	5,227
NID	-6,233	8,083	11,107	-5,071
Deposit permintaan	1,567	1,564	4,194	3,078
Deposit tabungan	871	1,492	766	1,661
Perjanjian beli balik (Repo)	9,005	4,803	-2,752	1,640
Deposit mata wang asing	-292	1,496	289	-1,174
Deposit SPI	3,010	3,421	-418	557
Lain-lain	373	1,840	1,335	3,224
Jumlah	18,818	32,272	20,188	9,142

Permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat pada asas tahunan

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal menjadi sederhana kepada RM39.2 bilion pada bulan Februari (Januari: RM48.7 bilion). Penyederhanaan ini mencerminkan terutamanya musim perayaan pada separuh kedua bulan itu, yang menyebabkan bilangan hari bekerja berkurang. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% (Januari: 6.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM39.2 bilion



Pada asas bulanan, penunjuk pinjaman utama lebih rendah, sebahagiannya disebabkan musim perayaan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Jan	Feb	Jan	Feb
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.3	22.5	39.0	3.0
Kelulusan pinjaman	16.4	14.3	17.8	4.2
Pengeluaran pinjaman	46.6	38.6	6.7	-2.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.0	2.8	6.4	6.2
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	13.3	11.8	48.5	-1.8
Kelulusan pinjaman	8.4	7.4	40.8	0.7
Pengeluaran pinjaman	33.0	26.6	6.2	-6.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.4	1.1	4.4	5.2
PKS				
Permohonan pinjaman	7.0	5.8	t.b.[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	3.3	3.2	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	11.0	9.6	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.1	-0.1	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	14.0	10.7	31.0	8.8
Kelulusan pinjaman	8.0	6.9	0.6	8.2
Pengeluaran pinjaman	13.7	12.0	7.9	8.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.7	0.9	8.9	8.4

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Penunjuk pinjaman bagi sektor isi rumah terus mencatat pertumbuhan pada asas tahunan



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Meskipun mencatat paras yang lazimnya lebih rendah pada bulan Februari, permohonan dan kelulusan pinjaman keseluruhan terus mencatat pertumbuhan pada asas tahunan. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh permohonan dan kelulusan yang lebih tinggi bagi pinjaman sektor isi rumah.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.2% pada akhir bulan Februari (akhir Januari: 6.4%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 5.2%

(Januari: 4.4%) manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat 8.4% (Januari: 8.9%).

Pembiayaan melalui pasaran modal lebih tinggi

Pada bulan Februari, jumlah dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal lebih tinggi, pada RM3.8 bilion (Januari: RM2.7 bilion). Sejumlah besar dana telah diperoleh sektor awam melalui terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun dan MGS Boleh Panggil 10 tahun yang secara bersama berjumlah RM3 bilion. Sementara itu, sektor swasta terus memanfaatkan pasaran modal bagi keperluan pembiayaan mereka, dengan dana kasar yang diperoleh melalui PDS dan pasaran ekuiti berjumlah RM1.5 bilion. Sejumlah besar dana diperoleh melalui pasaran PDS, termasuk satu terbitan bernilai RM500 juta oleh sebuah bank pembangunan pelbagai hala. Secara keseluruhan, sektor swasta memperoleh dana bersih sebanyak RM784 juta pada bulan itu.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI meningkat secara sederhana

Pada bulan Februari, KLCI bermula dengan trend meningkat sebelum melalui pembetulan yang ketara pada akhir bulan. Pembetulan pasaran ekuiti disebabkan perkembangan di luar negeri dan sejajar dengan penilaian semula pasaran ekuiti global secara keseluruhan. Meskipun terdapat pembetulan, KLCI ditutup pada 1,196.45 mata atau 0.6% lebih tinggi daripada paras pada akhir bulan Januari. Permodalan pasaran juga meningkat kepada

RM943.4 bilion (+2.5% sejak akhir bulan Januari), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2,866.6 juta unit (Januari: 1,270 juta unit).



KLCI pulih dan stabil

Pada 27 Mac 2007, KLCI ditutup pada 1,247.17 mata (+4.2% sejak akhir bulan Februari), apabila sentimen pelabur dalam pasaran ekuiti menjadi lebih positif. Penilaian semula pasaran turut disokong oleh pengumuman langkah-langkah liberalisasi dan penyahkawalseliaan dasar pentadbiran pertukaran asing, pemansuhan cukai untung harta tanah dan pengenalan beberapa insentif khas untuk menggalakkan pelaburan. Permodalan pasaran keseluruhan lebih tinggi pada RM979.2 bilion (+3.8% sejak akhir bulan Februari), meskipun aktiviti dagangan menurun, dengan urus niaga purata harian pada 1,864.1 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM305.9 bilion atau bersamaan USD86.9 bilion pada 28 Februari 2007. Rizab meningkat kepada RM307.2 bilion atau bersamaan USD87.3 bilion pada 15 Mac 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 9.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan sistem perbankan kukuh dalam keadaan paras NPL yang stabil

Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras bertambah baik masing-masing kepada 13.4% dan 10.7% pada akhir bulan Februari 2007. Kekukuhan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan modal asas berikutan bermulanya operasi tiga bank pelaburan baru. NPL bersih tidak berubah pada 4.7% daripada jumlah pinjaman bersih.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Dis 06**	**Jan 07**	**Feb 07**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.3	10.6	10.7
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	12.8	13.3	13.4
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	4.7	4.7
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,356	26,607	26,940
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dalam keadaan paras NPL yang stabil

Bank Negara Malaysia
28 Mac 2007
C:\MSB FEB 2007 (post-AH).doc

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 06		Jan 07		Feb 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		58.2	10.6	58.9	-2.7	59.5	8.5
M1		141.1	13.8	144.1	9.2	149.0	17.4
M2		718.2	16.6	733.9	16.4	742.5	16.8
M3		749.7	12.3	763.8	13.4	773.7	13.9
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		808.7	16.8	828.9	19.9	838.0	19.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		593.0	6.3	595.9	6.4	598.8	6.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		70.8		69.5		69.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		79.1		77.5		76.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		27.4	22.0	27.3	39.0	22.5	3.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		17.7	10.6	16.4	17.8	14.3	4.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		45.3	-5.6	46.6	6.7	38.6	-2.0
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		43.9	2.4	42.7	2.2	35.8	-0.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.8		13.3		13.4	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.8		4.7		4.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		290.4		294.1		306.0	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		82.5		83.5		86.9	
Bilangan bulan import tertangguh		7.9		7.9		8.2	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.50 [3.50]		3.50 [3.50]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.53 [3.52]		3.52 [3.52]		3.51 [3.52]	
	1 bulan	3.58 [3.58]		3.56 [3.56]		3.55 [3.55]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.11		3.11		3.11	
	3 bulan	3.19		3.19		3.19	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.57		6.57		6.54	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		104.6	3.1	105.1	3.2	105.1	3.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		128.7	5.0	129.2	4.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5315		3.5015		3.5060	
Euro		4.6460		4.5388		4.6332	
Paun Sterling		6.9315		6.8755		6.8830	
100 Yen Jepun		2.9675		2.8808		2.9595	
Dolar Singapura		2.3028		2.2784		2.2920	
100 Baht Thailand		9.8111		9.7780		9.9012	
100 Peso Filipina		7.2027		7.1642		7.2110	
100 Rupiah Indonesia		0.0393		0.0385		0.0382	
100 Won Korea		0.3797		0.3717		0.3728	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	3.7		3.2		3.0	
	swasta	-0.5		-0.4		0.8	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,096.2		1,189.4		1,196.5	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		848.7		920.8		943.4	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.